

# Jangan lupa

UM 19 JUL 2005

Oleh ABDULLAH HAMID

**K**UALA LUMPUR 18 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat supaya tidak melupai asal usul masing-masing walaupun mereka kini mendapat nikmat daripada kemajuan negara.

Perdana Menteri berkata, sekiranya mereka lupa zaman silam, mereka akan kehilangan arah apabila menuju ke hadapan.

“Kalau kita tidak tahu dari mana kita datang, kita tidak akan tahu ke mana kita hendak tuju, sama hendak ke hadapan atau balik ke belakang,”

katanya. Beliau meminta setiap rakyat menyedari hakikat ini kerana terdapat mereka yang tersesat disebabkan tidak tahu menentukan arah yang hendak dituju.

Dr. Mahathir mengingatkan perkara ini semasa berucap pada majlis Malam Darulaman “Jom Saja-Saja Nostalgia 2003” anjuran Persatuan Bekas Pelajar Kolej Sultan Abdul Hamid (SAHOCA), Alor Setar di Hotel Shangri-la di sini malam ini.

Dr. Mahathir meminta rakyat bersyukur dengan kejayaan yang telah dapat dicapai.

Dalam ucapan itu rakyat juga diingatkan supaya memberikan tumpuan kepada pendidikan disebabkan

## asal usul kita — PM

kan zaman silam mereka dahulu kebanyakannya daif.

Beliau membangkitkan perkara ini untuk membandingkan dengan zaman remaja beliau yang keadaan begitu sukar untuk mendapat pendidikan yang sempurna.

“Saya sendiri bersyukur kerana tidak drop out kerana pada zaman saya dahulu di Government English School (kini Kolej Sultan Abdul Hamid) yang dapat masuk hanya 30 orang sahaja pada masa itu,” katanya.

Katanya, dengan kesukaran kewangan yang dihadapi beliau kemudian dapat melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di Singapura walaupun cita-citanya adalah untuk belajar undang-undang di England.

“Tetapi keadaan sudah berubah sekarang ini, semua pelajar dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan ramai dapat masuk ke universiti,” katanya.

Seterusnya Dr. Mahathir berkata, apabila bersara pada Oktober nanti, beliau mahu berehat sebagai rakyat biasa kerana telah begitu lama bekerja sejak berusia 15 tahun.

Katanya, tidak sepatutnya beliau melanjutkan jawatan sebagai Perdana Menteri disebabkan telah lama menjawat jawatan tersebut iaitu selama 22 tahun.

Namun beliau berkata, semasa beliau menjawat jawatan itu beliau mengibaratkan dirinya sebagai sapi dalam bidalan “lembu punya susu sapi punya nama”.